

05 MAY 1997

Mahathir-Perkongsian

MALAYSIA SERU PERKONGSIAN PINTAR DI KALANGAN NEGARA MEMBANGUN

Oleh: E.Sivabalan

GABORONE (BOTSWANA), 5 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru negara membangun supaya membentuk perkongsian pintar di kalangan mereka bagi mewujudkan satu barisan bersatu bagi menghadapi cabaran globalisasi.

Perdana Menteri yang kerap kali disifatkan sebagai jurucakap negara-negara membangun berkata bahawa dengan berkongsi pengalaman antara satu sama lain dalam bidang pengurusan ekonomi, mereka boleh membuat keputusan yang betul dan mengelak daripada mengulangi kesilapan yang dilakukan negara lain sebelum ini.

"Satu-satunya cara negara lemah menghadapi cabaran ialah dengan bersatu dalam satu barisan atau lebih baik lagi, dengan membentuk satu perkongsian pintar," kata beliau dalam ucapan khas mengenai "Perkongsian Pintar: Menghadapi Cabaran Globalisasi" pada Dialog Antarabangsa Afrika Pertama di Kasane, sebuah pusat peranginan kira-kira 600km atau sejam perjalanan udara dari ibu negara Botswana ini.

Mesyuarat tiga hari itu ialah dialog antarabangsa kedua selepas pelancaran Dialog Antarabangsa Langkawi pada 1995, dan diikuti dialog Antarabangsa Barbados untuk Negara-Negara Kecil pada tahun lepas.

Dialog di Kasane dihadiri beberapa pemimpin negara-negara di bahagian selatan Afrika termasuk Presiden Botswana Sir Ketumile Masire dan Presiden Malawi Dr Bukili Muluzi.

Dr Mahathir berkata dengan berkongsi aset-aset yang mereka miliki, negara-negara membangun boleh memperkukuhkan kekuatan mereka.

"Kita berada di dalam 'hutan antarabangsa'. Tidak ada undang-undang dan peraturan dalam hubungan antarabangsa. Keadilan juga sangat sedikit. Negara-negara kuat sahaja yang berkuasa. Negara-negara kecil dan miskin terpaksa menerima apa saja yang ditetapkan oleh mereka," kata beliau.

Perdana Menteri berkata dengan segala "ancaman dan tekanan itu", negara-negara membangun kini terpaksa menghadapi cabaran globalisasi yang merupakan satu tarikan dalam aliran semasa.

Tetapi beliau mengemukakan persoalan sama ada negara-negara membangun sudah bersedia bagi menghadapi cabaran itu.

"Jelas sekali tidak. Tetapi tiada siapapun akan menunggu sehingga kita bersedia untuk menghadapi cabaran itu.

"Jadi, sama ada kita suka atau tidak, kita terpaksa menghadapi cabaran itu," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir juga bertanya sama ada negara-negara membangun benar-benar merdeka kerana menurut beliau, sungguhpun penjajahan secara langsung telah berakhir, ia digantikan pula dengan bentuk penjajahan yang lebih tersembunyi dan berbahaya.

"Sistem politik, ekonomi, sosial dan kelakuan kita masih dikawal, secara langsung atau tidak, oleh penjajah lama dan kuasa-kuasa besar," kata beliau dan menambah kata bahawa "perjuangan kita untuk merdeka masih jauh lagi untuk selesai."

Sambil menggelar negara-negara industri di dalam Kumpulan Tujuh (G-7) sebagai "sombong", Dr Mahathir berkata mereka (Amerika Syarikat, Britain, Kanada, Perancis, Jepun, Itali dan Jerman) tidak berminat untuk berunding dengan negara-negara di luar kumpulan itu kecuali dengan Rusia.

Ketika melahirkan rasa kesal beliau dengan sikap G-7 yang tidak mengendahkan negara-negara membangun, Dr Mahathir berkata: "Mereka enggan menemui pengerusi Pergerakan Berkecuali (NAM) dan mereka enggan berunding

dengan Kumpulan 15 negara-negara membangun atau wakilnya."

Perdana Menteri berkata pertubuhan-pertubuhan serantau juga boleh mewujudkan perkongsian pintar supaya "apabila mereka menghadapi cadangan-cadangan dari negara-negara maju yang boleh menjejaskan mereka, pertubuhan-pertubuhan serantau terbabit boleh mengambil pendirian bersama".

"Langkah sedemikian telah kita ambil pada persidangan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Singapura (tahun lepas). Dan kita berjaya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata perkongsian pintar (di dalam sesebuah negara) boleh wujud antara kerajaan, sektor swasta dan kesatuan sekerja seperti yang wujud di Malaysia.

Perdana Menteri bagaimanapun mengingatkan bahawa perkongsian pintar hanya satu daripada unsur-unsur di dalam formula untuk kejayaan.

"Sistem dan formula sahaja tidak menjamin kejayaan. Ini kerana unsur-unsur lain turut memainkan peranan dan boleh mempengaruhi sesuatu formula atau sistem," kata beliau.

Beliau menambah kata bahawa perkongsian pintar turut bergantung kepada keadaan persekitaran, "bukannya pokok atau hutan tetapi persekitaran politik dan ekonomi di dalam dan di luar sesebuah negara, budaya dan sistem nilai yang dipegang oleh rakyatnya dan banyak lagi unsur lain yang kecil-kecil". -- BERNAMA

ES MZ NMO